

## Metode Bacaan al-Quran *al-Mujawwad* Qari-Qari Mesir

The Method of Reciting al-Quran *al-Mujawwad* of Egyptian Qaris

WAN HILMI WAN ABDULLAH<sup>1\*</sup> & HAMDI ISHAK<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

\*Corresponding Author; email: hjmiey@ukm.edu.my

Received: 13 January 2023

Revised: 15 May 2023

Accepted: 12 July 2023

Publish: 1 September 2023

### ABSTRAK

*Mesir merupakan negara yang terkenal dengan qari-qari al-Quran di seluruh dunia bukan sahaja negara Islam bahkan negara Barat. Kemunculan mereka begitu ramai dan dapat dilihat pada hari Jumaat dengan kemeriahannya lantunan bacaan al-Quran di setiap pelosok kawasan. Kehebatan dan kekuatan seni bacaan mujawwad qari-qari Mesir terletak pada setiap individu dengan kemahiran dan teknik yang pelbagai sehingga menarik minat orang yang mendengar dan memberi kesan kepada qari-qari lain untuk meniru bacaan tersebut. Objektif kajian ini menjelaskan metode utama bacaan qari-qari Mesir khususnya dalam seni. Qari-qari terkenal dan berpengaruh di Mesir menjadi koordinat penting kepada metodologi asas penentuan komponen bacaan yang terkenal dengan bacaan ala Misri. Metodologi kajian ini adalah reka bentuk kualitatif. Data dikumpulkan melalui analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur. Analisa data dilakukan secara analisis kandungan melalui perisian NVIVO 12. Hasil kajian menemukan sembilan belas (19) metode utama bacaan iaitu [1] hukm al-tilawah, [2] 'ilm al-naghmat wa al-maqamat, [3] hifz al-Quran, [4] husn al-ada', [5] husn al-sawt, [6] usul al-qira'at, [7] ma'an al-Quran, [8] 'ilm al-sawt, [9] 'ilm al-waqf wa al-ibtida', [10] al-tilawah al-muhaqqaqah, [11] al-jumlah al-lahniyyah, [12] fasahah al-tilawah, [13] madrasah al-shuyukh, [14] al-lahjah al-misriyyah, [15] al-fann al-rafi', [16] al-tanawwu' al-adai, [17] al-tilawah al-ihsasiyyah, [18] dirasah al-daqiqah dan [19] qit'ah al-ayah. Implikasi kajian ini adalah metode bacaan ini menjadi panduan utama bagi qari-qari al-Quran untuk mempraktikkan dan mengamalkan gaya bacaan Misri.*

Kata kunci: Qari Mesir; tarannum; mujawwad tilawah; Egypt; seni

### ABSTRACT

*Egypt is a country that is famous for reciters of the Quran around the world, not only Islamic countries but also Western countries. Their appearance is so many can be witnessed on Friday with the beauty of reciting the Quran in all corners of the area. The greatness and strength of the art of reciting mujawwad qaris of Egypt is located in each individual with various skills and techniques so as to attract people to listen and affect other qaris to imitate the recitation. The objective of this study is to explain the main methods of reciting Egyptian qaris, especially in the art of mujawwad. The famous and influential reciters in Egypt have become an important basis for determining the components of the famous mujawwad reciting method with the Misri style. The methodology of this study is qualitative design. Data were collected through document analysis and semi structured interviewing. Data analysis was carried out by means of content analysis through the NVIVO 12 software. The results of the study found nineteen (19) main components of the reciting method, namely hukm al-tilawah, 'ilm al-naghmat wa al-maqamat, hifz al-Quran, husn al-ada', husn al-sawt, usul al-qira'at, ma'an al-Quran, 'ilm al-sawt, 'ilm al-waqf wa al-ibtida', al-tilawah al-muhaqqaqah, al-jumlah al-lahniyyah , fasohah al-Tilawah, madrasah al-shuyukh, al-lahjah al-misriyyah , al-fann al-rafi', al-tanawwu 'al-adai, al-tilawah al-ihsasiyyah, dirasah al-daqiqah and qit'ah al-ayah. The implication of this study is that this recitation method is the main guide for Quran qaris to practice and implement the Egyptian recitation style.*

Keywords: Egyptian qaris; tarannum; mujawwad; recitation arts; Egypt

## PENGENALAN

Islam menekankan penghasilan insan berjaya dalam segenap aspek seperti pembacaan al-Quran sebagai syiar Islam (Azlan 2020). Oleh itu, kemunculan angkatan qari-qari Mesir di seluruh pelosok dunia terutama negara Islam telah mencetuskan suatu fenomena hebat khususnya dalam ilmu seni bacaan *mujawwad* (berlagu). Bacaan al-Quran oleh tokoh-tokoh qari terkenal Mesir seperti Shaykh Muhammad Rif'at, Shaykh Mustafa Isma'il, Shaykh Abd al-Basit, Shaykh Sadiq al-Minshawi, Shaykh Ali al-Banna, Shaykh Ahmad Nada, Shaykh Kamil Yusuf al-Bahtimi, Shaykh Raghib Mustafa Ghalwash, Shaykh Taha al-Fashni dan lain-lain telah meletakkan satu tanda aras penting dalam memahami metode bacaan *mujawwad* (Wan Hilmi 2019). Fokus utama Qari-qari Mesir dalam bacaan adalah menerapkan elemen kefahaman maksud ayat serta memiliki kekuatan suara dalam setiap penyampaian bacaan (Wan Hilmi 2014). Keutamaan qari-qari Mesir dalam mempamerkan sebuah bacaan *mujawwad* ialah mengaplikasikan teknik pengkaedahan *jumlah al-ayat* (bacaan mengikut potongan ayat). Kaedah tersebut menyampaikan makna ayat kepada maksud yang dikehendaki melalui *talaqqi* dan *musyafahah* (Wan Hilmi 2014; Ismail 2019).

Mahmud al-Sa'dani (1996) menjelaskan tentang ciri-ciri bacaan qari-qari Mesir adalah penekanan terhadap elemen tajwid, kaedah *waqf* dan *ibtida'*, *usul al-riwayat* serta *uslub al-ada'* dalam persembahan. Hal ini dijelaskan Shaykh Muhammad Rif'at yang mengakui bahawa seorang qari yang lengkap dan sempurna perlu memiliki ilmu dan penguasaan dalam hukum tajwid, kefahaman ilmu *waqf* dan *ibtida'*, mempunyai suara yang baik, pengetahuan tentang *usul al-qira'at*, kemahiran tinggi dalam ilmu seni *al-maqamat* dan *husn al-ada'* yang baik (Sawt al-Azhar 2000). Ia menjelaskan bahawa kepekaan qari-qari Mesir terhadap komponen tersebut adalah sangat tinggi.

Kekuatan seni bacaan *mujawwad* qari-qari Mesir diperakui oleh ramai pihak. Menurut Shaykh Ali Juma'at, bahawa al-Quran diturunkan di Mekah, dicetak di Istanbul dan dibaca di Mesir. Di sana, terdapat *madrasah al-tilawah* (aliran gaya bacaan) yang sangat unik, menarik serta sangat berbeza sekali berbanding *madrasah al-tilawah* di tempat yang lain. Bacaan qari-qari Mesir terdapat beberapa kriteria iaitu *halawah al-sawt* (kemanisan suara), *al-tamakkun fi al-ada'* (keyakinan persembahan), *al-hifz al-tam fi al-Quran* (hafalan al-Quran sempurna)

serta pengetahuan yang luas dalam bidang al-Quran. Dalam buku yang berjudul '*afdal qurra'* *al-Quran*', para *mashayikh* Kurdistan berpendapat bahawa bacaan oleh qari-qari Mesir sangat berbeza sekali terutama pada teknik dan corak persembahan dan ia amat memberi kesan terhadap telinga yang mendengar (Amru Rushdi 2021).

Dalam aspek *uslub al-qira'ah* (gaya bacaan), qari-qari Mesir memiliki kekuatan dalam *uslub al-tilawah* (gaya lagu) dan *fann al-sawt* (seni suara). *Uslub al-qira'ah* tersebut membentuk aliran *madrasah al-tilawah* yang besar serta pelbagai di Mesir. *Madrasah* itu adalah *madrasah* Shaykh Muhammad Rif'at, *madrasah* Shaykh Mustafa Isma'il, *madrasah* Shaykh Mahmud Khalil al-Husari, *madrasah* Shaykh Sadiq al-Minshawi, *madrasah* Shaykh Abd al-Basit dan *madrasah* Shaykh Abd al-Fattah al-Sha'sha'i (Ali Abdullah 2011).

Setiap qari Mesir memiliki *uslub al-qira'ah* yang tersendiri dalam seni bacaan al-Quran. Perbezaan tersebut menggambarkan bahawa qari Mesir berada dalam kelas tersendiri khususnya dalam kaedah lagu dan teknik bacaan. Sebagai contoh, tilawah Shaykh Mustafa Isma'il memiliki nilai kehalusan pada '*urab*' lagu dan suara (bunga) dalam bacaan. Beliau memiliki 'jalan bacaan' yang lurus dan tegap serta penuh dengan rangsangan dan gerak suara yang pantas dan laju. Kamal Najmi (1992) menjelaskan bahawa Shaykh Mustafa Isma'il mempunyai jalan bacaan tersendiri dan tidak menggayakan (*taglid*) bacaan orang lain, sebaliknya menyempurnakan 'jalan bacaan' lebih dekat dengan bacaan Shaykh Muhammad Rif'at. Sementara Shaykh Abd al-Basit pula sering mempraktikkan bacaan secara mendatar serta mengaplikasikannya dengan dua *tabaqah* suara sahaja (Wan Hilmi 2014).

Kajian oleh Dasrizal (2012) menjelaskan bahawa alunan lagu yang dipraktik dan diamalkan sekarang ini banyak terpengaruh dan terkesan melalui bacaan qari-qari Mesir terdahulu seperti Shaykh Muhammad Rif'at, Shaykh Mustafa Isma'il, Shaykh Abd al-Basit, Shaykh Dr. Ahmad Nu'inah, Shaykh Ali Mahmud, Shaykh Shahat Anwar, Shaykh Raghib Mustafa Ghalwash dan lain-lain. Namun bacaan-bacaan tersebut tidak sama dan menyeluruh, sekadar berfungsi pada lingkungan suara yang sangat terhad dan terbatas.

Ia membuktikan bahawa para qari yang membaca dan melaksanakan persembahan mengikut gaya bacaan atau metode *mujawwad* ala *Misri* yang kurang sempurna sepenuhnya. Selain itu, metode

bacaan *mujawwad* qari-qari Mesir juga belum dibuat penyusunan dan pengumpulan secara terperinci dan lebih lengkap. Kaedah atau cara bacaan qari-qari Mesir masih berada dalam bentuk yang bertaburan dan berpisah-pisah. Oleh itu, kajian ini akan meneliti metode bacaan *mujawwad* qari-qari Mesir terutama mengenai kaedah-kaedah dan asas-asas dalam berlagu. Kajian akan mengenal pasti metode bacaan qari-qari Mesir dalam aspek komponen asas yang membentuk gaya bacaan beraliran ala *Misri*.

Kajian ini penting bagi menganalisis dan mengenal pasti apakah asas dan kekuatan utama kepada metode bacaan *mujawwad* qari-qari Mesir terutama dalam aspek *fasahah al-tilawah, lajhah Misriyyah* dan *aliran madrasah al-Shuyukh*. Komponen-komponen yang didapati dalam bacaan qari-qari Mesir akan menjadi panduan dan ikutan kepada para qari dan qariah untuk memahami dan melatih suara sehingga membentuk satu jenis bacaan yang mengikut aliran *Misri*. Ini ditambah pula jika para qari dapat mengkhatamkan al-Quran dengan lagu-lagu sebagai pendekatan baru dalam latihan (Ishak 2020).

Bagi menyempurnakan kajian ini, satu cadangan oleh Wan Hilmi (2014) menjelaskan bahawa para qari sewajarnya mempelajari kaedah bacaan *mujawwad* qari-qari Mesir secara lebih mendalam agar pengetahuan dan kemahiran dapat ditingkatkan pada suatu tahap yang lebih baik. Para qari perlu mempelajari dan menguasai aspek-aspek *lahjah al-arab* (*qiraat mutawatir*), *sawt al-'arab* (suara Arab), *lahn al-'arab* (tarannum Arab), *luknah al-'arab* (fasohah Arab), *ta'bir al-'arab* (pengolahan Arab) dan *ushub al-'arab* (kaedah Arab) dalam bacaan al-Quran. Ditambah lagi dengan proses amalan, langkah-langkah, model, teori serta isu berkaitan pembelajaran tilawah al-Quran perlu dikuasai oleh setiap orang (Ismail 2017).

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah reka bentuk kualitatif. Pengumpulan data dilakukan melalui analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur. Data dianalisis secara analisis kandungan dan temu bual dengan menggunakan perisian NVIVO 12 secara pendekatan tematik. Pensampelan kajian dipilih secara rawak. Seramai sebelas orang (10) peserta kajian dipilih dalam kalangan para qari Mesir dalam pelbagai latar belakang akademik dan tugas bagi mewakili responden dalam kajian ini. Mereka ialah Shaykh Abd al-Fattah Khalil (PK1 AFK), Shaykh

Abd al-Fattah al-Taruti (PK2 AFT), Shaykh Abdullah Muhammad al-Sayyid Ahmad 'Azb (PK3 AA), Shaykh Mahmud Hasan al-Qillini (PK4 MQ), Shaykh Ibrahim Sha'ban al-Murshidi al-Azhari (PK5 ISM), Shaykh Nabil bin Muhammad bin Muhammad bin Ali bin Ahmad (PK6 NM), Shaykh Yasir al-Syarqawi (PK7 YS), Shaykh Yusuf Qasim Halawah (PK8 YH), Shaykh Dr. 'Isa al-Misarawi (PK9 IM) dan Shaykh Najah 'Ashur Ratib Muhammad (PK10 NA). Tema-tema yang diperolehi disahkan oleh pakar kualitatif yang dilantik iaitu Prof. Dr. Zainab Ismail dan Prof. Madya Dr. Ahmad Munawar Ismail daripada UKM. Cohen Kappa adalah di antara 0.81-1.00 adalah sangat tinggi.

Sampel kajian yang dipilih adalah para qari yang digelar '*qurra' qudami*' yang merupakan qari awal di Mesir pada tahun 1880-1980 iaitu bacaan Shaykh Muhammad Rifat, Shaykh Mustafa Isma'il, Shaykh Abd al-Basit Abd al-Samad, Shaykh Mahmud Khalil al-Husari, Shaykh Mahmud Ali al-Banna, Shaykh Kamil Yusuf al-Bahtimi, Shaykh Muhammad Shahat Anwar dan Shaykh Sadiq al-Minshawi.

Kajian ini mendapatkan data dari sumber deduktif dan induktif. Kedua-dua data dikumpulkan dan kemudian dianalisis secara pengekodan secara tematik. Hanya data yang berbeza sahaja dipilih dan diterima sebagai hasil dapatan yang signifikan.

## PERBINCANGAN DAN ANALISIS KAJIAN

Kajian ini meneroka komponen metode bacaan tarannum *Misri*. Data diperolehi melalui temu bual bersama pakar-pakar bidang yang merangkumi al-Quran, Hadith, Tafsir, Qiraat dan pakar bidang suara al-Quran yang merupakan seorang qari yang hafiz dan tarannum.

## DAPATAN HASIL KAJIAN TEMU BUAL

### 1. *Ahkam al-Tilawah* (Hukum-hakam Tilawah)

*Ahkam al-tilawah* adalah satu istilah penting yang menjadi asas utama kepada *manhaj* bacaan *mujawwad* qari-qari Mesir. Mereka sangat menitik beratkan aspek tersebut sebagai komponen teras dan petunjuk aras dalam sebuah bacaan bercirikan alun-an ala-*Misri*.

Dalam temu bual pengkaji bersama peserta kajian ketiga, beliau menjelaskan tentang keperluan qari-qari Mesir dengan ilmu-ilmu hukum tilawah al-Quran seperti berikut;

...Perkara yang kedua ialah hendaklah qari itu alim dengan ilmu-ilmu hukum al-tilawah (PK3 AA).

Peserta kajian ketiga menambah lagi keterangannya tentang keutamaan syarat dan peraturan tilawah qari-qari Mesir, kata beliau;

...Ini semua adalah peraturan dan syarat tilawah qari Mesir iaitu *hifz al-quran*, *itqan al-quran*, *ma'rifah ahkam al-tilawah*, *hukm al-tajwid*, *ma'rifah al-waqf wa al-ibtida'*, *ma'rifah maqamat al-sawtiyyah*, *kayfa yabda wa yantahi* dan *madrasah al-tilawah syeikh*. Semua perkara ini mesti diambil kira oleh qari-qari (PK3 AA).

Dalam aspek *uslub al-qira'ah*, qari-qari Mesir adalah berbeza antara satu sama lain. Menurut kenyataan dari peserta kajian kesembilan, beliau menyebut hal ini sebagai mana berikut;

...*Uslub* qari Mesir berbeza antara satu sama. Semua mereka memiliki *uslub* tersendiri dalam tilawah al-Quran. Akan tetapi qari Mesir sangat *mutqin* dan *dhabit* dalam ahkam tajwid, yakni mereka membaca dengan *qira'ah sahihah* (PK9 IM).

## 2. *Ilm al-Naghmat wa al-Maqamat* (Ilmu Tarannum dan Maqamat al-Quran)

Pengetahuan tentang ilmu *al-tarannum al-qur'ani* juga amat penting bagi qari-qari Mesir. Memiliki kemahiran ini akan memberi kelebihan dan nilai tambah kepada penguasaan bacaan tarannum dengan lebih menarik dan bagus. Pengkaji mendapati disiplin ilmu ini juga amat diberi penekanan serius oleh qari-qari Mesir. Berikut adalah hasil dapatan yang diperoleh dari sesi temu bual dengan peserta kajian kedua, beliau menjelaskan;

...Perkara ketiga ialah *al-tarannum al-qurani* merupakan asal. Aku tidak berkata bahawa *al-maqamat* adalah asal kerana ia datang selepas al-Quran. (PK2 AFT)

...Bagi al-Quran itu terdapat *al-maqamat al-sawtiyyah*. (PK2 AFT)

Penyataan di atas menerangkan kepentingan mempelajari ilmu lagu atau ilmu seni suara al-Quran. Ini kerana pada al-Quran itu terdapat alunan dan irama yang khusus baginya. Apabila membaca al-Quran, akan terserlah satu gambaran melodi atau nada suara yang muncul pada pendengaran pembaca dan juga pendengar.

Menurut peserta kajian ketiga, seseorang qari hendaklah mengetahui ilmu seni lagu dan suara ini. Hal ini berdasarkan kenyataan beliau yang menegaskan bahawa;

...Perkara terakhir ialah hendaklah dia mengetahui ilmu *al-nagham wa maqamat sawtiyyah* (PK3 AA).

Komponen ini perlu dikuasai oleh seorang qari bagi melengkapkan kemahiran sedia ada agar bacaan lebih mantap dan kemas. Oleh demikian, qari-qari Mesir terkenal dengan pelbagai dimensi suara. Menurut peserta kajian kelima, qari-qari Mesir mempunyai gelaran terhadap suara mereka masing-masing, beliau menjelaskan bahawa;

...Shaykh 'Abd al-Basit terkenal dengan suara *al-mala'i* (suara malaikat). Shaykh Mohammad Sadiq al-Minshawi dengan *bulbul al-hazin* (burung perindu). Kesemua qari-qari memiliki *al-naghamah* (lagu tarannum). Mereka berinteraksi dengan lagu tersebut (PK5 ISM).

Kepelbagaiannya suara yang ada pada qari-qari Mesir telah menciptakan suatu keistimewaan pada bacaan tarannum mereka. Kelebihan tersebut menjadikan qari-qari Mesir amat berbeza dari segi lantunan suara dan nada irama lagu yang bersifat kelembutan dan kekuatan.

Para qari Mesir amat menitik beratkan ilmu seni lagu dalam tilawah al-Quran. Bukti nyata adalah *qurra' khamsah* (lima qari *Iza'ah al-Quran*) yang telah merakamkan bacaan al-Quran secara *murattal* sebanyak tiga puluh juzuk iaitu Shaykh Mahmud Khalil al-Husari, Shaykh Mustafa Isma'il, Shaykh 'Ali al-Banna, Shaykh Abd al-Basit dan Shaykh Mohammad Sadiq al-Minshawi. Mereka adalah kalangan ahli seni suara yang turut merakam bacaan secara *mujawwad* dengan lengkap.

Asas tilawah qari-qari Mesir adalah memberi penekanan terhadap keilmuan dan penguasaan paling maksimum dalam bidang seni tilawah. Asas ini disokong oleh peserta kajian kelapan dengan kenyataan beliau bahawa;

...Asas kepada *dawlah al-tilawah* di mana mereka sangat mengambil berat tentang ilmu *al-maqamat* (PK8 YH).

Walaupun begitu, bacaan tarannum oleh qari-qari Mesir berbeza antara satu sama lain terutama dalam aspek *uslub* atau *tariqah al-qira'ah*. Mereka masing-masing lebih suka memperkenalkan persembahan mengikut cara tersendiri tanpa terikat dengan mana-mana qari yang lain. Namun demikian, kemahiran dan kepakaran dalam bidang seni lagu ini ternyata masih lagi ada dan kekal pada kelompok qari ternama seperti Shaykh Mustafa Isma'il. Menurut penjelasan dari peserta kajian kesembilan, beliau menegaskan bahawa;

...Semua qari Mesir membaca adanya perbezaan pada *uslub* dan *tariqah* dan berbeza pada maqamat, melainkan Mustafa Isma'il memiliki kemahiran khusus dalam seni maqamat (PK9 IM).

### 3. *Fasahah al-Tilawah* (Kefasihan Tilawah)

Bacaan tarannum qari-qari Mesir memiliki kekuatan dalam aspek kefasihan tilawah. Kefasihan tilawah bermaksud keseluruhan bacaan itu lancar dalam semua aspek utama iaitu sebutan huruf, makhraj dan sifat huruf, *waqf* dan *ibtida'* serta penekanan kepada huruf Arab. Dalam hal ini, peserta kajian keempat menjelaskan kelebihan qari-qari Mesir seperti berikut;

...Melalui pembacaan tilawah kerana ia sangat berbeza dari aspek kelancaran dan berbeza dari segi keyakinan dengan al-Quran al-Karim (PK4 MQ).

Para qari Mesir sememangnya memiliki keyakinan yang amat tinggi dalam pembacaan al-Quran secara *mujawwad*. Keyakinan ini melibatkan tiga asas utama iaitu hafalan, kefahaman, suara dan lagu yang sesuai dengan kehendak makna ayat.

Perkara kedua ialah qari-qari Mesir berbeza dengan yang lain dalam segi *al-fasahah* (kefasihan), ertiya orang tidak terkesan dengan mana-mana lajhah melainkan *lahjah misriyyah* (PK2 AFT).

Ini menunjukkan bahawa qari Mesir menggayakan dengan lajhah tersendiri dan ini merupakan kefasihan lisan mereka.

### 4. *Hifz al-Quran* (Hafalan al-Quran)

Antara metode bacaan tarannum qari-qari Mesir ialah *hifz al-Quran*. Ia merupakan satu komponen penting bagi qari untuk bergelar sebagai ‘qari’ atau ‘*muqri*’ dalam dunia tilawah di Mesir. Hal ini ditegaskan oleh peserta kajian ketiga bahawa;

...Dan telah lengkap komponen penting iaitu para qari mestilah menghafaz al-Quran (*hifz al-quran*) dengan lengkap. Dan seseorang qari tidak boleh hanya berdiri dengan menghafal satu juzuk atau dua juzuk al-Quran, tapi jika dia ingin menjadi seorang syeikh yang *mutqin* (berkeyakinan tinggi) dan *muhkaman* (mahir hukum), dia mesti menghafal 30 juzuk lengkap (PK3 AA).

Keperluan mewajibkan hafalan al-Quran dalam kalangan qari-qari di Mesir bertujuan membezakan antara golongan al-Azhari dengan bukan al-Azhari. Ini ditegaskan oleh peserta kajian kelima yang berpandangan bahawa kelompok para qari Mesir seharusnya menghafaz al-Quran dan mendalami

ilmu-ilmu berkaitan dengan *ulum al-Quran*. Beliau menjelaskan seperti berikut;

...Bagi membezakan al-Azhari dalam pembacaan al-Quran ialah *hifz al-quran* dan mengetahui dengan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan *ulum al-Quran* (PK5 ISM).

Manakala peserta kajian ketujuh turut berpendapat dengan hal yang sama iaitu seorang qari perlu mengutamakan hafalan al-Quran serta mengetahui kaedah tajwid yang betul. Beliau menjelaskan seperti berikut;

...Perkara paling penting qari mestilah *hifz al-Quran*, mengetahui dengan hukum tajwid dan menguasai kaedah *al-waqf wa al-ibtida'* (PK7 YS).

Hal ini diakui oleh peserta kajian kelapan yang turut menyokong bahawa qari-qari Mesir semenjak dari dahulu berpegang dengan prinsip asas iaitu *hifz al-Quran* sebagai tonggak utama dalam bidang tilawah al-Quran khususnya bacaan tarannum. Beliau menegaskan dengan katanya;

...Atau usul (bacaan tarannum qari *Misri*) di mana mereka berpegang dengan metode qari *Misri..aaa..*yang pertama ialah *hifz al-Quran* al-Karim dengan *mutqin* (PK8 YH).

Dalam erti kata lain, *hifz al-Quran* merupakan *manhaj* yang asas bagi para qari apabila berkecimpung dalam bidang tilawah lebih-lebih lagi penglibatan mereka dalam sebuah negara (Mesir) yang melahirkan ratusan ribu para qari yang terkenal. Kenyataan ini disokong oleh peserta kajian kesepuluh yang mengakui bahawa hafalan al-Quran adalah suatu *manhaj* yang asas bagi para qari di Mesir, beliau menegaskan dengan ulasan ringkas iaitu;

...Sebagai contohnya *hifz al-Quran*, ertiya *manhaj* yang asas (PK10 NA).

Kesimpulan daripada perbincangan ini merumuskan bahawa kriteria *hifz al-Quran* merupakan komponen penting dalam bacaan tarannum oleh qari-qari Mesir.

### 5. *Husn al-Ada'* (Penyampaian Baik)

Gaya persembahan bacaan tarannum oleh qari-qari Mesir adalah sangat mengagumkan. Bacaan mereka sangat mantap dan mampu menarik orang ramai untuk mendengar sehingga bacaan itu selesai. Keunikan persembahan itu dapat dirasai apabila hadirin melaungkan kalimah ‘Allah’ atau ‘Ya Salam’ sebagai tanda terkesan dengan bacaan.

Hasil temu bual bersama peserta kajian telah mendapati bahawa qari-qari Mesir memiliki gaya penyampaian yang unik dan mempesona. *Tariqah* atau ‘jalan’ persembahan mereka begitu istimewa dan mampu memberi kesan yang mendalam terhadap para pendengar. Dalam hal ini peserta kajian ketiga menyatakan bahawa;

...*Tariqah wa uslub al-ada'* (jalan dan gaya penyampaian) (PK3 AA).

Pernyataan di atas menggambarkan qari-qari Mesir mempunyai cara atau mekanisme tersendiri yang menyerlah kemampuan sebenar mereka dalam persembahan. Bentuk persembahan pula berbeza antara satu dengan yang lain terutama apabila bermain dengan lengkokan suara dan turun naik nada yang menghasilkan irama yang lunak dan sedap didengar. Menurut peserta kajian keempat, terdapat perbezaan bentuk gaya persembahan oleh qari-qari Mesir. Beliau menjelaskan seperti berikut;

...dan berbeza dari segi persembahan, suara dan maqamat, lajhah dan *lahjah Misriyyah* ada bersamanya (PK4 MQ).

Manakala peserta kajian kelapan menjelaskan bahawa dalam konteks keilmuan dan penyampaian bacaan al-Quran, qari-qari Mesir mempamerkan sebuah bacaan yang sangat menarik dan mengandungi elemen kaedah lantunan suara dan lagu yang penuh keindahan. Beliau menegaskan;

...Dalam aspek keilmuan, dan..*ada' qurani* (cara penyampaian al-Quran) dengan sangat baik (PK8 YH).

Apa yang lebih istimewa bagi qari-qari Mesir adalah apabila mereka menggayaikan lantunan bacaan, satu prinsip teguh yang dipegang oleh mereka ialah memahami apa yang dibaca. Prinsip ini telah dilaksanakan oleh qari-qari Mesir terdahulu sebagai asas dan tunjang utama kepada sebuah model bacaan tarannum yang signifikan. Menurut peserta kajian kesepuluh, qari-qari Mesir terdahulu amat memahami makna ayat dan mereka memiliki prinsip *al-ada'* (cara penyampaian) yang bagus. Beliau menjelaskan seperti berikut;

...Akan tetapi qari-qari (terdahulu) memahami..arr..arr..*al-ada'* (cara penyampaian) dan mereka memiliki prinsip *al-ada'* (PK10 NA).

Menurut peserta kajian kesembilan, *al-ada'* bermaksud cara atau kaedah penyampaian yang bagus dan sesuai dengan analogi persembahan bagi sesuatu perkara seperti contoh tilawah al-Quran

alah cara yang tersendiri dan paling sopan. Beliau menjelaskan bahawa;

...Bagi tilawah al-Quran ada cara penyampaian dan persembahannya yang tersendiri. Jika membaca dengan tarannum, ada *al-ada'* baginya. Jika *tartil*, ada *al-ada'* baginya sendiri (PK9 IM).

#### 6. *Husn al-Sawt* (Suara Elok)

Komponen *husn al-sawt* termasuk dalam salah satu metode bacaan tarannum yang dipelopori oleh qari-qari Mesir. Ia berperanan dapat menarik pendengar agar timbul minat kepada mendengar al-Quran serta menanam kecintaan terhadap ayat-ayat Allah SWT sekali pun ia dilantun dengan lagu seperti orang yang kurang mahir dengan disiplin ilmu lagu, tapi tetap memiliki keindahan dan kemerduan suara. Dalam temu bual bersama peserta kajian ketujuh, beliau menjelaskan perkara itu dengan ungkapannya;

...Maka disyaratkan qari itu dia memiliki *husn al-sawt* sehingga dia mampu menarik para pendengar (PK7 YS).

Memiliki suara yang cantik dan bagus adalah personaliti qari-qari Mesir. Jika seseorang mendengar suara tersebut, dia dapat merasakan bahawa suara itu adalah suara yang datang dari kelompok qari-qari Mesir. Elemen suara kemanisan, kemerduan, kelunakan dan ketajaman suara itu akan membangkitkan ghairah untuk mendengar. Hal ini dinyatakan oleh peserta kajian kesepuluh dengan jawapan berikut;

...Dan mereka mempunyai suara yang bagus. Ketika mana anda mendengarnya, anda akan kenal siapa yang membaca itu (PK10 NA).

...Ini semua adalah peraturan dan syarat tilawah qari Mesir, iaitu *hifz al-quran, itqan al-quran, ma'rifah ahkam al-tilawah, hukm al-tajwid, ma'rifah al-waqt wa al-ibtid'a', ma'rifah maqamat al-sawtiyyah, kaifa yabda wa yantahi dan madrasah al-tilawah syeikh*. Semua perkara ini mesti diambil kira oleh qari-qari (PK3 AA).

Pernyataan tersebut menjelaskan bahawa qari-qari Mesir mementingkan *husn al-sawt* dalam bacaan al-Quran.

#### 7. *Itqan Usul al-Qira'ah* (Mahir Usul Qir'at)

Dalam ilmu qiraat, qari-qari Mesir amat mengambil berat aspek *usul riwayah*, bukan sahaja pada riwayat *hafs an asim* malah dalam semua periwayatan. Dengan mempelajari dan mendalami usul tersebut sehingga tamat, mereka mampu menjadi qari yang amat diyakini serta dipercayai dalam keilmuan dan

kemahiran. Kemampuan mereka diperakui oleh peserta kajian kelima dengan menyatakan bahawa qari-qari Mesir sangat memberi keutamaan dalam pelbagai *usul al-qira'ah*. Beliau menyebut seperti berikut;

...Maka al-Azhar mendapati ulama mereka *itqan al-qira'ah* serta memelihara *ulum al-syari'ah* (PK5 ISM).

Peserta kajian kelapan turut menyokong pendapat dari peserta kelima dengan menyatakan perkara yang sama iaitu;

...Mereka mengambil berat...tentang *usul qira'a h* kesemua sekali (PK8 YH).

Jelas di sini bahawa qari-qari Mesir mengambil sikap yang sangat peka terhadap permasalahan *usul qiraat* dalam penyampaian sesbuah bacaan. Penguasaan mereka dalam bidang tersebut telah menyerlahkan kewibawaan dan kemampuan sebenar dalam bidang ilmu tarannum. Para qari Mesir telah bersedia dengan segala ilmu kemahiran dan pemantapan yang diperlu bagi berhadapan dengan para pendengar dan peminat pada saat melantunkan ayat-ayat suci al-Quran melalui kaedah yang lebih berkesan.

#### 8. *al-Lahjah al-Misriyyah* (Lahjah Bacaan Misri)

Kelebihan dan kekuatan bacaan tarannum qari-qari Mesir ialah *fasahah* dalam menyebut huruf dan *lahjah Misriyyah*. Oleh kerana lisan orang-orang Mesir adalah *lisan al-'Arab*, justeru memudahkan mereka untuk melantunkan sebutan huruf mengikut kehendak hukum tajwid yang betul, di samping keprihatinan dalam masalah *waqf wa ibtida'*. Hal ini dijelaskan oleh peserta kajian kedua yang menjelaskan sebagai mana berikut;

...Perkara kedua ialah qari-qari Mesir berbeza dengan yang lain dalam segi *al-fasahah* (kefasihan), ertiinya orang tidak terkesan dengan mana-mana lahjah melainkan *lahjah misriyyah* (PK2 AFT).

Pandangan ini turut disokong oleh peserta kajian keempat yang menyatakan tentang kepentingan bacaan tarannum dengan *lahjah Misriyyah* demi mencapai tahap kefasihan yang maksimum. Menurut beliau;

...dan berbeza dari segi persembahan..suara dan *maqamat*..lahjah dan *lahjah Misriyyah* bersamanya (PK4 MQ).

Akan tetapi perlu diberikan pencerahan tentang maksud *lahjah Misriyyah* sebagai mana yang telah diungkapkan. Menurut peserta kajian ketujuh bahawa yang dimaksudkan dengan *lahjah Misriyyah* ialah *uslub al-tahqiq* (cara bacaan jelas) an *al-tawdih* (cara bacaan terang). Beliau membuat ungkapan berikut;

...Uslub *al-qira'ah al-misriyyah* adalah *uslub al-tahqiq* dan *al-tawdih* (PK7 YS).

Jika sekiranya tidak mempraktikkan bacaan mengikut definisi *lahjah Misriyyah* seperti mana yang sepatutnya, maka bukan dianggap sebagai qari Mesir yang tulen. Ini dijelaskan oleh peserta kajian kesepuluh yang menyatakan seperti berikut;

...Jika tidak mengikut *manahij* ini, maka bukan digelar sebagai qari Mesir, qari Mesir ini secara tabiatnya adalah *al-lahjah al-misriyyah* yang merupakan lahjah yang sangat dekat dengan lahjah Arab *fushah* (PK10 NA).

Kesimpulan daripada perbincangan ini merumuskan tentang penerapan kaedah *lahjah Misriyyah* dalam bacaan tarannum oleh qari-qari Mesir merupakan elemen kekuatan bagi tilawah mereka.

#### 9. *Ma'ani al-Quran* (Makna al-Quran)

Perbezaan bacaan tarannum qari-qari Mesir berbanding qari-qari lain ialah kemahiran mereka dalam memahami konteks ayat yang dibaca. Kelebihan ini adalah satu kriteria amat penting bagi satu angkatan qari yang dikenali di seluruh dunia. Apabila ditanya tentang apakah asas utama yang menjadi paksi kepada bacaan tarannum di Mesir, salah seorang peserta kajian ketujuh menjawab sebagai mana berikut;

...Adakah *al-ma'na* adalah asas dalam tilawah qari-qari Mesir? Beliau menjawab: Ya..ya (PK7 YS).

Pengkaji bertanyakan lagi kepada peserta kajian ketujuh apakah benar *al-ma'na* merupakan asas utama dalam bacaan tarannum qari-qari Mesir, maka beliau menjawab dengan katanya;

...Kaedah tilawah qari Mesir *al-ma'na* adalah asas dalam bacaan? Beliau menjawab: Ya, *al-ma'na* adalah asas (PK7 YS).

Kemudian, elemen-elemen yang dibawakan oleh qari-qari Mesir dalam persembahan mereka adalah berusaha menggambarkan makna ayat melalui gaya atau bentuk penyampaian yang terjadi pada

alunan lagu dan lengkok suara. Pada kelazimannya, pengamalan tarannum qari-qari Mesir menyepakati *maqam* lagu dengan penyesuaian makna ayat. Ini dijelaskan oleh peserta kajian kesembilan, beliau menyatakan seperti berikut;

...Pada tilawah qari Mesir banyak mengandungi *ma'ani al-ayat*. *Uslub* dan *tariqah* mereka banyak memberi *taswir al-ma'na* (gambaran makna). Qari Mesir membaca dengan maqam lagu yang menyepakati dengan *taswir ma'na al-ayah*. Itu adalah asas tilawah mereka (PK9 IM).

Penyataan tersebut mengesahkan tentang ciri-ciri bacaan tarannum qari-qari Mesir amat mementingkan penghayatan makna ayat dalam pelaksanaan bacaan al-Quran. Prinsip demikian amat sesuai dengan gesaan firman Allah SWT dan sabda Nabi SAW agar membaca al-Quran dengan *tadabbur* di samping memerhatikan isi kandungan ayat.

#### 10. *Madrasah al-Shuyukh* (Aliran Bacaan Guru)

Perihal dunia tilawah di Mesir semakin menarik untuk diperhalusi terutama menyentuh tentang aspek madrasah tilawah mereka. Ternyata qari-qari Mesir memiliki gerbang ilmu yang amat besar lebih-lebih lagi hal yang berkaitan dengan kewujudan madrasah tilawah dari pelbagai ‘jalan’ atau ‘variasi’ yang terkenal di seluruh dunia Islam. Kepelbagaian aliran ‘seni lagu’ dari madrasah tilawah Mesir telah menjadikannya begitu istimewa kerana melahirkan ratusan ribu qari pelapis yang berkualiti dan bermutu tinggi. Kepelbagaian *madrasah al-tilawah* adalah disebabkan berbagai *shaykh* yang menjadi pelopor atau pengasas terhadap madrasah tersebut. Perbezaan ini diakui oleh peserta kajian kedua yang memberi keterangan dalam sesi temu bual dengan pernyataan berikut;

...*Al-tanawwu' fi al-tilawah* (kepelbagaian tilawah) oleh qari-qari Mesir menjadikan mereka mempengaruhi orang lain sama ada dalam negeri maupun luar Negara. Ia sangat penting sekali (PK2 AFT).

Satu pertanyaan diajukan kepada peserta kajian ketiga tentang madrasah tilawah *Misriyyah*, beliau menerangkan bahawa qari-qari Mesir memiliki enam kriteria utama dalam bacaan tarannum. Kenyataan beliau seperti berikut;

...Iaitu *hifz al-quran*, *hukm al-tajwid*, *al-maqamat sawtiyyah*, *al-waqf wa ibtida'*, *misahat al-sawt*, *madrasah al-suyukh* (PK3 AA).

*Madrasah al-shuyukh* merupakan elemen yang amat mustahak bagi pengamal bacaan secara tarannum. Budaya meniru bacaan terhadap tokoh-tokoh tertentu sudah menjadi trend dalam kalangan qari di Mesir sebagai permulaan proses pembelajaran. Oleh demikian, perbezaan *tariq* atau *uslub qira'ah* dari qari-qari adalah satu perkembangan yang sihat dalam kalangan para qari tersebut. Hal ini dijelaskan oleh peserta kajian kesembilan yang menyatakan bahawa;

...Semua qari Mesir membaca ada perbezaan pada *uslub* dan *tariqah* dan berbeza pada maqamat (PK9 IM).

Bacaan tarannum secara *taqlid* banyak dilakukan oleh para qari di Mesir terutamanya bagi mereka yang baru menceburkan diri dalam bidang tilawah dan sebagai permulaan belajar tarannum. Menurut peserta kajian kesepuluh, qari-qari Mesir sering meniru gaya bacaan dari qari-qari terdahulu. Beliau menjelaskan seperti berikut;

...Dari kalangan mereka ada yang *taqlid* (meniru). Antara mereka ada yang *bertaqlid* kepada sebahagian dari *shaykh*. Setengah mereka memiliki madrasah *khassah* (aliran madrasah tersendiri) (PK10 NA).

Hasil perbincangan menemukan kaedah qari-qari Mesir mempelajari bacaan tarannum melalui cara *taqlid* daripada para *mashayikh* yang hebat dan terkenal keilmuan mereka dan merupakan pengasas kepada aliran *madrasah al-Shuyukh* di bumi Mesir.

#### 11. *Ma'rifah al-Sawtiyyah* (Ilmu Seni Suara al-Quran)

Metode berikutnya adalah mengetahui ilmu *sawt* pada disiplin bacaan tarannum. Qari-qari Mesir mempelajari ilmu seni suara bertujuan untuk menguasai aspek yang berkait dengan kaedah dan teknik penggunaan suara dalam bacaan. Tanpa disiplin ilmu ini akan merendahkan kualiti dan mutu suara ketika melakukan persembahan. Oleh demikian, ilmu *sawt* adalah satu ilmu penting yang dapat memperbaiki dan mengurus tali suara ke arah lebih baik dan kemas. Hal ini ditegaskan oleh peserta kajian kedua yang menyatakan seperti berikut;

...Bagi al-Quran itu terdapat *al-maqamat al-sawtiyyah* (PK2 AFT).

Tujuan daripada mempelajari ilmu *sawt* atau ilmu seni suara ini ialah memastikan tali suara menjadi lebih ringan dan mendapat kerehatan

sewajarnya ketika membaca al-Quran secara tarannum. Peserta kajian ketiga menyatakan tentang fungsi dan tugas ilmu *sawt* ialah memberi kerehatan pada suara. Beliau berpendapat bahawa;

...Maqamat *sawtiyyah* memberikan *rahab al-sawt* (kerehatan suara) (PK3 AA).

Dalam temu bual bersama peserta ketiga, beliau menjelaskan tentang kriteria-kriteria yang perlu ada pada qari-qari Mesir iaitu;

...Ini semua adalah peraturan dan syarat tilawah qari Mesir. Iaitu *hifz al-quran*, *itqan al-quran*, *ma'rifah ahkam al-tilawah*, *hukm al-tajwid*, *ma'rifah al-waqf wa al-ibtida'*, *ma'rifah maqamat al-sawtiyyah*, *kayfa yabda wa yantahi* dan *madrasah al-tilawah syeikh*. Semua perkara ini mesti diambil kira oleh qari-qari (PK3 AA).

Shaykh Abd al-Basit terkenal dengan suara *al-mala'iki* (suara malaikat). Shaykh Mohammad Sadiq al-Minshawi dengan *bulbul al-hazin* (burung perindu). Kesemua qari-qari memiliki *al-naghmah* (lagu tarannum). Mereka berinteraksi dengan lagu tersebut (PK5 ISM).

Kedua-kedua peserta kajian mengesahkan kepentingan menguasai ilmu *maqamat sawtiyyah* dalam bacaan tarannum dari qari-qari Mesir. Ia menguatkan dalil dan bukti tentang keperluan mendalam dan mempelajari seni suara ini untuk kegunaan ketika membuat persembahan bacaan tarannum.

## 12. *Ma'rifah al-Waqf wa al-Ibtida'* (Pengetahuan *Waqf* dan *ibtida'*)

Dalam aspek *waqf wa ibtida'*, qari-qari Mesir memberi perhatian yang bersungguh terhadap hal ini. Menurut peserta kajian kedua, qari-qari Mesir memahami bagaimana hendak mula dan berhenti dalam setiap ayat yang dibaca. Beliau menjelaskan dengan katanya;

...Qari-qari Mesir faham bagaimana hendak mula dan bagaimana hendak berhenti dalam setiap jumlah (PK2 AFT).

Kedudukan ilmu *waqf wa ibtida'* dalam ilmu bacaan al-Quran adalah amat penting bagi memelihara makna dan tafsiran ayat. Qari yang bagus dan cemerlang adalah qari yang mengambil perhatian terhadap masalah *waqf wa ibtida'* dalam setiap bacaan. Apabila seseorang qari berhenti dan mulakan bacaan sesuai pada tempatnya, justeru keseluruhan ayat atau *jumlah* ayat akan menjadi sempurna kerana menepati dengan kaedah *lughah Arabiyah* dan pentafsiran ayat. Oleh demikian,

peserta kelima telah memberi pandangan beliau tentang permasalahan berikut dengan katanya;

...Juga mengetahui ilmu *al-waqf wa al-ibtida'*, yakni apabila dia wakaf, adakah menepati dengan *lughah Arabiyah* atau tidak. Dan juga adakah ia (ketika berhenti) menyepakati dengan kaedah tafsir atau tidak. Seolah-olah dia mengambil peduli dalam aspek ini dengan menzahirkan makna di antara al-Quran dan 'ulum al-Quran (PK5 ISM).

Gabungan antara komponen ilmu *waqf wa ibtida'*, tafsir dan *lughah Arabiyah* adalah kunci kepada kemahiran dan penguasaan qari-qari Mesir dalam memahami teks al-Quran. Gabungan tersebut membina satu pola bacaan tarannum yang lebih menarik dan mantap. Menurut huraian dari peserta ketujuh, beliau menjelaskan tentang keutamaan yang perlu ada pada diri qari adalah;

...Perkara paling penting qari mestilah *hifz al-Quran*, mengetahui dengan hukum tajwid dan menguasai kaedah *al-waqf wa ibtida'* (PK7 YS).

Qari-qari Mesir sangat peka terhadap masalah *waqf wa ibtida'* dalam bacaan mereka. Menurut peserta kajian kesepuluh, qari Mesir tahu tempat yang dia akan mula dan berhenti bacaan. Beliau menegaskan dengan kata berikut;

...Ternyata dia dapat mengetahui di mana dia akan mula dan tamat bacaan (*ma'rifah al-badu' wa al-intiha'*) (PK10 NA).

Rumusan daripada perbincangan menjelaskan tentang pengetahuan luas qari-qari Mesir terhadap ilmu *waqf wa ibtida'* dalam bacaan al-Quran mengatasi hal-hal lain yang remeh.

## 13. *al-Tilawah al-Muhaqqaqah* (Tilawah Berinspirasi)

Kelainan bacaan tarannum qari-qari Mesir ialah tilawah berbentuk *tahqiq* dan *tawdih*. Ini dijelaskan oleh peserta kajian ketujuh yang menyatakan bahawa *uslub al-qira'ah* qari-qari Mesir adalah secara *al-tahqiq* dan *al-tawdih*. Beliau berpandangan seperti berikut;

...*Uslub al-qira'ah al-Misriyyah* adalah *uslub al-tahqiq* dan *al-tawdih* (PK7 YS).

*Uslub al-tahqiq* sebagai mana kenyataan di atas adalah bermaksud gaya penyampaian bacaan yang jelas, manakala *uslub al-tawdih* pula bermaksud gaya penyampaian bacaan yang terang. Kedua-dua gaya ini menggabungkan antara dua kaedah cara baca yang tepat pada sebutan huruf dan

selamat pada hukum tajwid. Ia juga memudahkan untuk menjelaskan makna ayat serta menerangkan kedudukan jumlah ayat dalam pelbagai situasi. Dalam hal ini, peserta kajian ketujuh telah memberi ulasan beliau tentang kaedah *uslub al-tahqiq* dan *uslub al-tawdih* iaitu;

...Cara demikian adalah keistimewaan untuk menerangkan makna ayat (*ibratz al-ma na*) (PK7 YS).

Kenyataan di atas menjelaskan tentang kaedah *uslub al-tahqiq* dan *uslub al-tawdih* adalah bertujuan *ibratz al-ma'ani* (menerangkan makna ayat). Konteks *ibratz al-ma'ani* tidak akan tercapai dan sempurna melainkan hanya dengan teknik dan tatacara penggunaan ilmu *maqamat* yang selamat.

Istimewanya madrasah *tilawah Misriyah* juga adalah *khuyu' fi al-tilawah* (khusyuk dalam tilawah) dan *al-khasyyah* (ketakutan) kepada Allah taala seperti Shaykh Mohammad Sadiq al-Minsyawi, Shaykh Mustafa Ghalwash (PK3 AA).

Di sini menjelaskan bahawa cara tilawah *Misri* adalah menekankan kepada elemen khusyuk dalam setiap bacaan.

#### 14. *al-Jumlah al-Maqamiyyah* (Pengjumlahan Lagu dalam *Jumlah Ayat*)

Dalam aspek *jumlah lahniyyah* (penjumlahan lagu), qari-qari Mesir membuat gubahan lagu mengikut setiap susunan ayat dari awal mula hingga tempat berhenti berdasarkan *jumlah* ayat. Jika ayat tersebut adalah *jumlah mufidah* (*jumlah* yang dapat difahami) iaitu mewakili *waqf tam, kafi* dan *hasan*. Jika ayat bertanda *waqf qabih* bererti *jumlah* tersebut bukan *jumlah mufidah*. Dalam kedua-dua keadaan ini, qari-qari Mesir membawakan lagu dengan dua teknik. Pertama mereka membacakan ayat yang mempunyai *jumlah* yang dapat difahami dengan nada yang seakan selesai ataupun sudah atau penuh, sementara ayat yang bukan *jumlah mufidah* dibaca secara nada tergantung atau separuh.

Dalam hal ini, qari-qari Mesir melakukan alunan lagu pada setiap jumlah ayat dengan nada yang tidak sama dan berbeza antara satu sama lain. Menurut peserta kajian ketujuh bahawa Shaykh Mustafa Isma'il, salah seorang qari Mesir tidak mengulangi lagu yang sama dalam *jumlah lahniyyah* atau pada *waqfah* lagu atau pada lain-lain tempat. Beliau menjelaskan seperti berikut;

...Mustafa tidak mengulangi lagu yang sama dalam *jumlah lahniyyah* (jumlah lagu) atau pada *waqfah* (berhenti) atau pada apa pun (PK7 YS).

Pernyataan di atas penjelasan tentang penggunaan *jumlah lahniyyah* dalam pengaturan lagu dan nada suara. Kaedah ini melihat kepada konteks ayat di mana ia bermula dan berakhir hingga mengeluarkan satu maksud yang jelas pada ayat dari alunan lagu tersebut. Ini kerana pada kaedah baca itu akan menghasilkan makna ayat apabila telah sampai di akhir tempat *waqf*. Peserta kajian kesepuluh menjelaskan tentang kaedah baca pada permulaan dan akhiran, boleh menjadi jumlah yang mengandungi makna pada teknik *waqf*. Beliau menyebut seperti berikut;

...Pada kaedah baca pada permulaan dan akhiran yang boleh menjadi satu jumlah yang mempunyai makna pada *waqf*. Akan tetapi apabila dia bermula dan dia tahu di mana dia *ibtida'* dan *waqf* dengan kemampuan nafas (PK10 NA).

Dalam bacaan tarannum, qari-qari Mesir akan membaca dengan berusaha menyampaikan *ma'na al-jumlah* kepada para pendengar. Peserta kajian kesepuluh menambah ulasan beliau seperti berikut;

...Apabila mereka membaca..mereka menyampaikan *ma'na al-jumlah* kepada para pendengar.(PK10 NA).

Peserta kajian kelapan memberikan respons tentang kaedah pengjumlahan ayat, Beliau menyebut;

... *al-ayah* (ayat) atau *al-jumlah* (pengjumlahan ayat) (PK8 YH).

Hasil perbincangan ini menjelaskan tentang pengamalan cara berlagu oleh qari-qari Mesir mengikut *penjumlahan* ayat yang akhirnya memastikan *dilalah al-ma'na* (maksud) tercapai.

## KESIMPULAN

Rumusan kajian telah menemukan sembilan belas (19) metode utama bacaan. iaitu iaitu [1] *hukm al-tilawah*, [2] *'ilm al-naghmat wa al-maqamat*, [3] *hifz al-Quran*, [4] *husn al-adha'*, [5] *husn al-sawt*, [6] *usul al-qira'at*, [7] *ma'ani al-Quran*, [8] *'ilm al-sawt*, [9] *'ilm al-waqf wa al-ibtida'*, [10] *al-tilawah al-muhaqqaqah*, [11] *al-jumlah al-lahniyyah*, [12] *fasahah al-tilawah*, [13] *madrasah al-shuyukh*, [14] *al-lahjah al-misriyyah*, [15] *al-fann al-rafi'*, [16] *al-tanawwū' al-adai*, [17] *al-tilawah al-ihsasiyyah*, [18] *dirasah al-daqiqah* dan [19] *qit'ah al-ayah*. Implikasi kajian ini adalah metode bacaan ini menjadi panduan utama bagi qari-qari al-Quran untuk mempraktikkan dan mengamalkan gaya bacaan *Misri*.

## PENGHARGAAN

Artikel ini adalah penyelidikan dengan menggunakan Geran Galakan Penyelidik Muda (GGPM 2022-033).

## SUMBANGAN PENGARANG

Wan Hilmi Wan Abdullah: selaku ketua projek penyelidikan yang mencetus idea menulis tajuk kertas kerja, mencari, mengumpul dan menganalisis data menggunakan perisian NVIVO 12, menulis draf kertas kerja mengikut format jurnal serta membuat pembetulan berdasarkan cadangan penilai serta menyemak susunan dan tajuk-tajuk kecil yang dipersembahkan dalam kertas kerja, menyemak draf akhir dan memastikan artikel diserahkan semula kepada pihak jurnal untuk penerbitan. Hamdi Ishak: menyemak artikel dan menambahbaik kertas kerja terutama bahagian metodologi dan konseptual.

## RUJUKAN

- Ali Abdullah. 2013. *al-Ta'bir al-Darami Wa al-Tanghim fi Tartil al-Quran, al-Qari 'Abd al-Basit 'Abd al-Samad Annamuzajan*. Al-Majallah al-Urduniyyah li al-Funun. Jil. 6. Bil. 1.
- Amru Rushdi. 2021. *Ali Jumaat, Madrasah al-Tilawah al-Misriyyah Muli'at bi al-Aswat al-Mumayyazah*. <https://www.dostor.org/3432713>
- Azlan, N. 2020. Amalan Service-Learning Berdasarkan Falsafah dan Matlamat Pendidikan dalam Islam. *Islamiyyāt*. <https://ejournal.ukm.my/islamiyyat/article/view/44605>
- Dasrizal. 2012. *Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Tarannum al-Quran di STAI-PIQ Sumatera Barat*. Disertasi Fakulti Pengajian Islam. UKM. <https://ejournal.ukm.my/islamiyyat/article/view/33552>
- Ishak, H., Mamat, M. H., Saad, M. F. M., & Mohamad, S. 2019. Learning and student's achievement factors in j-QAF Khatam al-Quran model. *Islamiyyat*, 41(2), 29-38.
- Ismail, A., Tamuri, A. H., & Hassan, N. H. 2019. Pelaksanaan Amalan Talaqqi dan Mushāfahah dalam Kalangan Pensyarah Tahfiz Al-Quran di Malaysia. *Islamiyyat*, 41(1), 93-98.
- Ismail, Z. (2016). Pengajaran & Pembelajaran Tilawah Al-Qur'an Sekolah Menengah di Malaysia. *Islamiyyat*, 38(2), 175.
- Kamal al-Najmi. 1992. *Al-Shaykh Mustafa Isma'il Hayatuh fi Zillil al-Qur'an*. Al-Qahirah: Muassasah Dar al-Hilal.
- Kristian Nelson. 2001. *The Art of Reciting the Quran*. Kaherah: Dar al-Kutub.
- Mahmud al-Sa'dani. 1996. *Alhan al-Sama'*. Al-Qahirah: Akhbar al-Yawm.
- Muhammad al-Shafi, Ahmad al-Bakri. 2014. *Dawlah al-Tilawah, Aswat min al-Sama'*. Kaherah: Dar al-Hilal.
- Nabil Hanafi. 2011. *Nujum al-'Asr al-Dhahabi li al-Dawlah al-Tilawah*. Kitab al-Yaum: Dar al-Turath al-'Arabi.
- Tariq Khalil. 1994. *Al-Qur'an wa Mashahir al-Qurra'*. Kitab Jumhuriyyah Misriyyah.
- Temubual Shaykh Isa al-Mi'sarawi (PK9 IM) di kediaman beliau Hayyu Thamin tahun 2017 dan tahun 2019 di Hotel Kubang Kerian, Kelantan.
- Temubual Shaykh Abd al-Fattah al-Taruti (PK2 AFT) di kediaman beliau Hayyu Thamin tahun 2018.
- Temubual Shaykh Abd al-Fattah Khalil (PK1 AFK) di Masjid Husin tahun 2018.
- Temubual Shaykh Abdullah Muhammad al-Sayyid Ahmad 'Azb (PK3 AA) di masjid Sayyidah Zainab tahun 2018.
- Temubual Shaykh Ibrahim Sha'ban al-Murshidi al-Azhari (PK5 ISM) di masjid Abdul Rahman al-Rahim tahun 2018.
- Temubual Shaykh Mahmud Hasan al-Qillini (PK4 MQ) di kediaman beliau di Muhafazah Zaqqazik tahun 2018.
- Temubual Shaykh Nabil bin Muhammad bin Muhammad bin Ali bin Ahmad (PK6 NM) di Muassasah al-Halqah di Hussin tahun 2018.
- Temubual Shaykh Najah 'Ashur Ratib Muhammad (PK10 NA) di masjid Husin tahun 2018.
- Temubual Shaykh Yasir Shurqawi (PK7 YS) di kediaman beliau di Atabah tahun 2018.
- Temubual Shaykh Yusuf Qasim Halawah (PK8 YH) di kediaman beliau Hayyu Zohor tahun 2018.
- Wan Hilmi Wan Abdullah, Ahamad Asmadi Sakat, Sabri Mohamad and Ezad Azraai Jamsari. 2014. Meaning-Based Tarannum: Preliminary Research on Uslug qira'ah-Based Tarannum Muhammad Rif'at (1880-1950). *Middle East Journal of Scientific Research* 20 (12): 2172-2176, 2014.
- Wan Hilmi Wan Abdullah, Hamdi Ishak & Sabri Mohamad. 2019. Karya-Karya Seni Tarannum dalam Bahasa Arab. *International Journal of Islamic Thought*. Vol. 16: (Dec.) 2019. [http://www.ukm.my/ijit/wp-content/uploads/2019/12/IJIT-Vol-16-Dec-2019\\_11\\_122-133.pdf](http://www.ukm.my/ijit/wp-content/uploads/2019/12/IJIT-Vol-16-Dec-2019_11_122-133.pdf)